

# HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

## KEDUDUKAN PEREMPUAN ISLAM DI DEWAN MESYUARAT DAN DI PENTAS

-----\*-----\*-----

Oleh kerana tertarik kepada Majalah Qalam bilangan 27 atas tulisan membidas kepada mereka yang ingkarkan perintah-perintah Allah yang bersendi kepada Al-Quran dan Al-Hadith maka Kiyai Hassan bin Ahmad atau yang terkenal dengan Kiyai Hassan Bandung yang sekarang berada di Bangil, Jawa di dalam suratnya menyatakan yang ia memandang bahawa masalah itu sekarang nampaknya di Malaya sedang memuncak dan kerana itulah ia menghantarkan risalah yang ditulisnya dengan tajuk “Perempuan Islam di Dewan dan di Podium” iaitu suatu risalah yang telah dikeluarkannya pada tahun 1941 dengan berpesan mudah mudahan risalah yang dihantarnya itu ada gunanya di sini. Setelah kita perhatikan dengan cermat dan saksama maka kita memandang mustahak benar risalah itu disiarkan untuk perhatian pembaca-pembaca bagi menentukan kedudukan yang tepat dengan alasan-alasan yang kita pandang tepat di dalam masa keadaan sebahagian daripada orang-orang kita mengatakan bahawa agama Islam itu penghambat kemajuan – Pengarang

(Oleh Hasan bin Ahmad)

Pada permulaannya penulis ini menerangkan akan tujuan risalah itu dengan katanya: “Saya siarkan soalan dan jawapan ini bukan seperti fatwa tetapi sebagai penerangan supaya diperiksa dan dibicarakan dalam-dalam oleh yang bersetuju dan yang tidak bersejutu, yang dari itu dapat masing-masing mengambil keputusan dengan berdalil agama – bukan dalil fikiran dan perasaan.” Inilah peringatan Kiyai Hassan bin Ahmad sebelum memulakan risalah itu. Kandungan itu begini:

Soal: Apa hukum perempuan jadi anggota pada salah satu majlis atau dewan lelaki, dan apa hukum perempuan berkhutbah di hadapan pendengar-pendengar dari lelaki dan perempuan dengan tidak pakai dinding di antaranya dengan pendengar-pendengar lelaki itu?

Jawab: Sebelum menjawab pertanyaan-pertanyaan itu lebih baik kita periksa dahulu perbezaan yang diadakan oleh agama antara lelaki dan perempuan dan kita lihat manakah yang jadi urusan lelaki dan yang mana pula jadi urusan perempuan.

- (1) Ditegah perempuan mengikut jenazah, disumatkan bagi lelaki.
- (2) Kalau Imam ada melakukan kekeliruan dalam sembahyang, diperintahkan lelaki bertasbih “Subhanallah” tetapi ditegah perempuan mengucapkan apa-apa – perempuan hanya boleh mengingatkan dengan bertepuk: tapak tangan.
- (3) Perempuan diperintahkan berjalan di pinggir jalan sedang lelaki di tengah.

- (4) Saf perempuan di dalam sembahyang di belakang sedang saf lelaki di hadapan.
- (5) Pintu bagi perempuan di masjid dipisahkan dan lelaki dilarang melaluinya.
- (6) Dalam sembahyang hari raya tempat perempuan dipisahkan daripada tempat lelaki dan begitu juga khutbahnya.
- (7) Jumaat tidak diwajibkan atas perempuan – hanya diwajibkan atas lelaki.
- (8) Tentang bauan-bauan dibolehkan perempuan yang kurang baunya biar warnanya terang, sebaliknya bagi lelaki.
- (9) Diutamakan perempuan sembahyang di rumah; sebaliknya bagi lelaki.
- (10) Diutamakan imam berhenti sebentar sesudah salam, sekira-kira perempuan dapat masa berpisah terlebih dahulu.
- (11) Pada zaman Nabi tak pernah perempuan azan atau iqamah bagi lelaki.
- (12) Ditegah menjadikan perempuan sebagai ketua.
- (13) Perempuan tidak diwajibkan berperang.
- (14) Perempuan wajib taat dan lelaki wajib memberi nafkah.
- (15) Ditegah perempuan bercukur kepala.
- (16) Ditegah perempuan berselempang pedang, panah dan sebagainya.
- (17) Perempuan tidak jadi Nabi, hakim dan tidak jadi Imam bagi umum.
- (18) Nabi membuat baiah dengan perempuan dengan tidak berjabat tangan.
- (19) Rasulullah menegah dengan umum lelaki menyerupai perempuan dan perempuan menyerupai lelaki.

Kalau kita perhatikan batas-batas yang diadakan oleh agama untuk perempuan, yang sebahagiannya tersebut di atas itu terutamanya kalau kita perhatikan Hadith-Hadith:

*Laisa minna man tashabbah bi ar-rijal min an-nisaa wa man tashabbah bi an-nisaa min ar-rijal*

(H. S. R. Ahmad)

Ertinya: Bukan dari golongan kita perempuan-perempuan yang menyerupai lelaki dan bukan pula lelaki yang menyerupai perempuan.

*La'ana Allah al-mutashabihat min an-nisaa bi ar-rijal wa al-mutashabihini min ar-rijal bi an-nisaa.*

(H. S. R. At-Tabrani)

Ertinya: Allah telah laknat perempuan-perempuan yang menyerupai lelaki dan lelaki yang menyerupai perempuan-perempuan.

*Qala Ibn Abbas: La'ana Rasulullah (SAW) Al-mutashabihina min ar-rijal bi an-nisaa wa al-mutashabihat min an-nisaa bi ar-rijal.*

(H. S. R. Al-Bukhari wa Abu Daud)

Ertinya: Telah berkata Ibn Abbas Rasulullah (SAW) telah laknat lelaki yang menyerupai perempuan-perempuan dan perempuan-perempuan yang menyerupai lelaki.

Dengan keterangan-keterangan Hadith-Hadith yang tersebut nescaya kita dapati dengan tegas dan yakin bahawa agama Islam tidak mengizinkan perempuan melakukan cara-cara dan pekerjaan-pekerjaan yang menurut kebiasaan telah jadi pekerjaan lelaki. Sebaliknya ditegah juga lelaki melakukan cara-cara dan pekerjaan yang ghalibnya menjadi pekerjaan perempuan.

Hal tak boleh lelaki dan perempuan menyerupai satu dengan lain itu, nyata sekali dapat kita jadikan pokok hal-hal dan kelakuan-kelakuan yang menyalahi pokok ini tentulah salah. Kecuali kalau dibolehkan oleh Allah atau Nabi (SAW) dengan sabdanya atau dengan dibiarkannya Muslimin melakukan di hadapannya.

Perempuan ditegah mengiringkan jenazah kerana membawa jenazah itu urusan lelaki dan juga kerana hendak menjauhkan percampuran di antara lelaki dan perempuan.

Perempuan tidak azan dan tidak iqamah dan tidak pula dibenarkan bertasbih mengingatkan imam ialah kerana hendak mengurangkan suara perempuan di antara lelaki dan juga dipandang berazan dan iqamah itu pekerjaan lelaki.

Diperintahkan perempuan berjalan dipinggir jalan, sifatnya di sebelah belakang dipisahkan tempat sembahyang hari rayanya. Dilainkan pintunya di masjid, tidak diwajibkan mereka berjemaah. Diutamakan mereka sembahyang di rumah, dilarang lelaki keluar masuk pada pintu perempuan, diutamakan imam berhenti sekadar perempuan-perempuan keluar, tidak diwajibkan perempuan berperang, tidak ada jabatan tangan dengan lelaki waktu bebai'ah, semuanya itu kalau kita perhatikan, nescaya ternyata sebabnya, ialah supaya perempuan-perempuan kurangkan percampuran dengan lelaki, supaya perhubungan di antara dua jenis itu jauh, supaya fitnah yang akan timbul di antara dua golongan itu kurang, bukan kerana menghina atau merendahkan salah satu golongan, bahkan boleh dikata menjaga dan menghormati perempuan.

Ditegah perempuan memakai bau-bauan yang merbak baunya kerana dikhuatiri lelaki yang lemah jiwanya itu terfitnah.

Ditegah perempuan bercukur kepala, berselempang pedang dan tidak disuruh berperang, kerana sekalian ini pekerjaan dan kelakuan lelaki – bukan perempuan.

Ditegah perempuan jadi ketua bagi lelaki dan tidak ada perempuan jadi Nabi, hakim atau imam bagi umum, kerana yang demikian itu bukan pekerjaan perempuan.

Perempuan diwajibkan taat kepada lelaki kerana payah benar teratur rumah tangga kalau ada dua yang berkuasa. Sekarang marilah kita selenggarakan jawapan bagi perbuatan di atas. Pertanyaan itu ada dua:

- (1) Apa hukum perempuan jadi anggota dalam dewan atau majlis lelaki?
- (2) Apa hukum perempuan berkhutbah di hadapan lelaki?

Bagi menjawab pertanyaan yang pertama mustahak dirundingkan apakah menjadi anggota di satu majlis atau dewan yang mengurus perkara umum, negeri, desa atau kampung itu pekerjaan lelaki atau perempuan? Ukuran di dalam hal ini tentulah mesti kita ambil daripada sabda Nabi atau dari kejadian pada zaman Nabi yakni pada zaman nabi itu adakah perempuan menjadi anggota di salah satu majlis yang terdiri daripada lelaki? Kalau ada tentulah halal hukumnya.

Kalau tidak ada bermakna perempuan tak boleh dijadikan anggota di dalam majlis lelaki kerana dnegan menjadi anggota di majlis lelaki itu telah menyerupai lelaki, sedang perempuan menyerupai lelaki itu ditegah mengikut Hadith-Hadith di atas.

Seperkara lagi bagi mengatakan larangan itu ada ayat maksudnya: Suruhlah manusia menundukkan pandangan mereka. .... dan suruhlah mukminat menundukkan pandangan mereka. (Q. An-Nur 31)

Perempuan yang menjadi anggota dalam majlis lelaki tentulah dilihat-lihatan di antara satu sama lain terutama jika ia berdiri menzahirkan fikiran. Bantahan dan sebagainya, sedang dilihat-lihatan dengan senghaja itu ditegah oleh ayat yang tersebut. Kecuali dalam perkara yang diizinkan oleh syarak, sedang hal perempuan menjadi anggota dalam

majlis lelaki dan hal perempuan-perempuan berkata-kata di hadapan lelaki itu tidak terlihat izannya dari Nabi dan tidak pula Nabi mendiamkannya dan pada zaman Nabi perempuan tidak kurang dan rundingan pun tidak kurang. Yang dimaksud dengan izin di sini ialah izin dengan sabda atau biarkan oleh Nabi kejadian itu di hadapannya. Suatu yang tiada izin padanya dengan sabdanya dan tidak pernah pula kejadian di hadapannya. Tidak halal kerana mengeluarkan hukum ayat yang tersebut.

-----\*-----\*-----

Pernyataan yang kedua jawabnya hampir sama dengan pertanyaan yang pertama iaitu berkhutbah di hadapan lelaki bukan pekerjaan perempuan dan dengan sebab perempuan berkhutbah itu tentu terjadi pandang memandang yang ditegah oleh ayat yang tersebut sedang perkecualiannya belum terlihat.

Adapun lelaki berkhutbah di hadapan perempuan itu sudah dicontohkan oleh Nabi (SAW) dengan membawa pembantu. Ini bermakna boleh.

### Ringkasnya:

(1) Berlihatan di antara lelaki dengan perempuan itu diharamkan oleh ayat-ayat yang tersebut dan oleh beberapa Hadith sahih yang menyuruh lekas palingkan pandangan daripada perempuan-perempuan. Larangan ini menjadi pokok yang pertama.

Pengecualian dari pokok yang teguh ini mestilah dengan alasan agama bukan dengan fikiran dan tidak boleh kita kata: "Agama tidak melarang" kerana larangan sosial betul tidak ada. Tetapi larangan umum sudah ada iaitu dilarang perempuan menyerupai lelaki dan dilarang lelaki melihat perempuan dan perempuan melihat lelaki.

Di dalam semua urusan, tidak biasa kita dapati larangan yang sosial, seperti bercium-ciuman atau berpeluk-pelukan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram, tidak ada larangan yang khas, tetapi termasuk dalam larangan ayat tersebut atas jalan agama. Yang dikatakan oleh ulama, man bab al-aula yakni apabila berlihat-lihatan itu haram tentulah yang lebih besar daripadanya – seperti berjabat tangan, bercium dan sebagainya – haram pula: Dan tidak boleh pula kita jadikan alasan bahawa perempuan pada zaman atau perempuan di Eropah, di Mesir, di Iraq, di Turki dan lain-lainnya menjadi anggota majlis anu dan anu, berkhutbah di hadapan lelaki. Kerana pokok agama kita bukan orang-orang dan negeri-negeri itu.

Janganlah kita berdalil bahawa kalau duduknya perempuan di dewan itu haram dengan dengan alasan pandang memandang, nescaya haram keluar rumah, haram keluar ke pasar, haram ke Mekah, haram tawaf, haram masuk ke Baitullah kerana perkara-perkara itu tidak sama dengan duduk di dewan.

Keluar rumah, keluar ke pasar dan seterusnya itu telah berlaku pada zaman nabi dengan tidak dapat teguran apa-pa. Yang bermakna telah diizinkan oleh Nabi. Hanya mustahak kita jika pandangan yang ayat Quran dan Hadith-Hadith Nabi wajibkan kita palingkan dengan lekas apabila terlihat dengan tidak sengahaja. Izin yang begini tidak terdapat pada menduduki dewan-dewa. Sedang kita telah maklum bahawa pada zaman Nabi ada

perempuan, sebagaimana ada urusan dunia yang mengenai perempuan seperti sekarang juga.

Sekarang duduknya perempuan-perempuan di dewan itu boleh tentulah sudah ada kejadian walaupun sekali kerana zaman itu zaman kedua – ikutan contoh.

(2) Perempuan menyerupai lelaki dan lelaki menyerupai perempuan itu ditegah oleh Hadith-Hadith sahih yang tersebut terutamanya kalau kita perhatikan perbezaan-perbezaan yang diadakan oleh agama di antara lelaki dengan perempuan sebagaimana yang tersebut di dalam perkara yang tertulis di atas. Tegahan ini menjadi pokok kedua.

Pengecualian dari pokok ini pun mustahak dengan alasan agama juga - bukan dengan fikiran atau perasaan. Perempuan menjadi anggota atau dijadikan anggota di salah satu dewan atau majlis yang mengurus keperluan umum, negeri, kampung dan sebagainya itu, bermakna menyerupai lelaki, kerana pekerjaan itu dari dahulu-dahulunya ialah pekerjaan lelaki bukan pekerjaan perempuan.

Di dalam majlis yang perempuan tidak izinkan oleh syarak duduk di dalamnya itu, kalau didudukkan juga maka di situ datang pula larangan ayat tentang berpandang-pandangan di antara lelaki dengan perempuan yang tak dapat dielak itu.

Orang-orang yang hendak membantah ketetapan itu mustahak membawa keterangan atau pengecualian daripada ayat atau Hadith yang menunjukkan bahawa duduk di majlis, dewan atau persidangan itu pekerjaan perempuan dan mustahak pula memberi keterangan bahawa perbandingan-perbandingan di antara lelaki dengan perempuan di dalam majlis permesyuaratan itu boleh atau sudah terjadi pada zaman Nabi.

Saya berharap lagi janganlah bantahan-bantahan dalam hal yang serupa ini disambalkan dengan ejekan-ejekan tetapi hendaklah dengan menunjukkan keterangan daripada agama yang boleh menggugurkan alasan-alasan yang di atas.

(bersambung)

[Dalam sambungan yang akan datang penulis ini akan menjawab sebanyak tujuh belas pertahan dengan memberi penjelasan-penjelasan yang tepat berdasar dengan alasan Al-Quran dan Al-Hadith – P]

Sudah terbit!

Pesan Sekarang

### Sopan Santun dalam Islam

Risalah kecil ini mustahak dibaca dan tiap-tiap ibu bapa patut membelinya bagi bacaan anak-anak lelaki dan perempuan.

Mengandungi empat bahagian harga senaskhah 30 sen – pos 6 sen kecuali bahagian yang keempat 50 sen. Pesanlah kepada

Qalam

356 & 358, Geylang Road, Singapore 14. Tel: 811118